



## JABATAN AIR NEGERI SABAH

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah (salah seorang ibu atau bapa, warganegara Malaysia yang lahir di Sabah)** yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan.

#### NAMA JAWATAN : PENGAWAL KESELAMATAN, GRED KP11

Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian
Kadar Upah Harian	: RM 44.00
Bilangan Kekosongan	: Tiga (3)
Tempat Penempatan	: Jabatan Air Daerah Tawau

#### SYARAT LANTIKAN

- Memiliki kelayakan berikut:
  - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Bagi Skim Perkhidmatan calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Bagi calon yang memiliki peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) / Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan hendaklah memperolehi (sekurang-kurangnya Gred D) dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik.
- Bagi calon yang memiliki peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan hendaklah memperolehi (sekurang-kurangnya Gred E) dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Matematik.
- Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindra seperti yang berikut:
  - tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

#### TUGAS UTAMA

- Mengawal sesuatu kawasan atau bangunan dari diceroboh.
- Mengawal pelanggan yang berurusan supaya mematuhi prosedur yang ditetapkan.
- Meronda dari semasa ke semasa dan memberi laporan kepada Pegawai keadaan yang perlu diperbetulkan atau yang mencurigakan.

#### CARA MEMOHON

Calon yang berminat boleh memohon dengan mengisi *google form* melalui pautan <https://forms.gle/2R7LeqdeAoY3WMTz9> atau QR Code seperti di bawah:



Borang Permohonan

- ❖ Pemohon yang layak akan dihubungi bagi proses temuduga.
- ❖ Tarikh tutup permohonan 14 September 2023 (Khamis) jam 11.59 Malam.